

KENANGAN MANIS DI ECO ARDENCE

Oleh: Muhammad Hazim Azri bin Mohd Sani, 1172410,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Taman Bunga di Eco Ardence.

Setia Alam adalah salah satu bandar yang terletak di Selangor. Masih ramai orang yang tidak mengetahui tentang keunikan kawasan tersebut.

Pada tahun 2019, saya berkesempatan mencipta kenangan baharu bersama kawan-kawan dengan bersiar-siar di Eco Ardence.

Pengalaman ini merupakan kenangan yang manis untuk saya kerana keunikan hasil gabungan idea manusia dan keindahan alam.

Pengurus Besar Bahagian Eco Ardence, Liew Tian Xiong memilih lokasi komersial bandar yang unik berikutan struktur binaan yang berkonsepkan kontena.

Ardence Labs dibangun di atas tanah keluasan 10.9 hektar bagi memberi penduduk setempat dan pengunjung menikmati pilihan gaya hidup yang berbeza berdasarkan pusat komersial tradisional yang pelbagai.

Tambahan pula Eco Ardence turut memberi peluang kepada sektor perniagaan yang berjenama untuk beroperasi di Ardence Labs.

Antaranya ialah perniagaan Jaya Grocer, hotel haiwan peliharaan Cocomomo, Mini Wespo, Masterclean, Healthlane, i1 Fitness, Cykel & Cyclist, Tealive dan Famous Kleener.

Di samping itu, Eco Ardence adalah tempat yang sesuai bagi sesiapa yang ingin melancong dan mencari ketenangan kerana ia mempunyai kawasan yang berangin serta pemandangan yang indah.

Dengan adanya tasik dan lorong pejalan kaki, pengunjung dapat bersiar-siar sambil menikmati suasana tasik yang tenang serta bunga-bunga cantik yang tumbuh di sekitarnya.



Sekitar tasik di Eco Ardence.

Ketika bersiar-siar di Eco Ardence, kami sempat menyaksikan sekumpulan penerbit sedang merakamkan filem dan para graduan mencipta detik manis mereka dengan menggayakan jubah konvokesyen.

Kami turut berswafoto untuk dimuat naik dalam media sosial sebagai kenangan pada masa akan datang.

Seterusnya, kami melangkah ke hotel haiwan peliharaan Cocomomo yang disediakan bagi pengunjung yang menyukai dan mencintai haiwan.

Penjagaan di situ sangat rapi dan semua haiwan tersebut harus berada dalam keadaan sihat dan bersih.

Selain itu, bagi peminat sukan yang aktif beriadah, anda boleh menyewa basikal dan berbasikal mengelilingi tasik itu di samping berpeluang menikmati persekitaran Eco Ardence.

Aktiviti ini dapat menenangkan fikiran daripada pelbagai masalah. Bak kata pepatah, akal yang cergas bermula dari badan yang sihat.

Pengalaman ketika menikmati suasana indah di Eco Ardence seperti melihat pokok dan bunga yang cantik terletak di tepi tasik dan lereng bukit turut mengajar saya cara mengenal Tuhan, alam sekitar dan diri sendiri.